

Krisis Kuala Lumpur-Canberra selesai

BM 12 DEC 1993

KUALA LUMPUR: Kabinet semalam memutuskan tidak mengambil sebarang tindakan terhadap Australia berikutan kritikan Perdana Menterinya, Paul Keating, terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan mengangap perkara itu kini sudah selesai.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri selepas mesyuarat khas Kabinet selama hampir tiga jam pagi semalam, kerajaan tidak berhasrat memanjangkan isu itu selepas mengambil kira reaksi dan perasaan rakyat Australia dan Malaysia di

samping rasa kesal yang dinyatakan Keating.

Kerajaan berpendapat perkara itu sudah menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat Australia terhadap sensitiviti rakyat Malaysia dan kesedaran itu boleh mengelakkan peristiwa seumpama itu berulang pada masa depan.

Kenyataan itu juga menyebut Kabinet mengambil perhatian di atas reaksi rakyat Australia umumnya, berhubung kenyataan Perdana Menteri mereka yang menjejaskan hubungan di antara kedua-dua negara.

Kabinet juga mengambil perhatian bahawa rak-

yat Malaysia pada keseluruhannya berasa tersinggung dengan kenyataan Perdana Menteri Australia itu.

Hubungan Malaysia dan Australia mula menjadi tegang pada 24 November lalu apabila AFP melaporkan kenyataan Keating mengkritik Dr

Mahathir dalam sidang akhbar di sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle, Amerika Syarikat.

Keating berkata, beliau sudah bosan mendengar keengganan Dr Mahathir

LIHAT MUKA 2

Krisis Kuala Lumpur, Canberra selesai

DARI MUKA 1

menghadiri mesyuarat itu serta mengangap Dr Mahathir sebagai 'keras kepala'.

Pada hari yang sama, ketika mengulas perkara itu di sidang akhbar di Parlimen, Dr Mahathir berkata adalah amat sukar bagi Malaysia untuk menjalin hubungan baik dengan Australia.

Susulan kenyataan Keating itu, pelbagai pihak termasuk pemimpin pertubuhan politik, pertubuhan pengguna serta badan bukan kerajaan mendesak kerajaan menegenakan tindakan keras terhadap Australia termasuk memutuskan hubungan diplomatik, menghentikan penyiaran

rancangan keluaran Australia, menghentikan penghantaran pelajar ke negara itu dan memulaukan barangan mereka.

Ketika diminta mengulas lebih lanjut mengenai kenyataan Pejabat Perdana Menteri itu, dalam satu sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno (MT), Dr Mahathir berkata, kenyataan yang dikeluarkan itu amat jelas.

"Saya tidak fikir saya perlu mengulas lanjut. Saya tidak akan mengulas apa-apa lagi berhubung perkara itu melainkan apa yang sudah dijelaskan dalam kenyataan itu," katanya.

Ketika ditanya lebih lanjut lagi oleh seorang wartawan asing, Dr Mahathir menegaskan: "Saya rasa apa yang disebut dalam kenyataan itu menggambarkan perasaan rakyat Malaysia. Saya tidak akan mengulas lanjut. Kes sudah ditutup."

Sementara itu, ketika ditemui sebelum menghadiri mesyuarat MT, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata keputusan Kabinet itu akan menda-tangkan kebaikan untuk rakyat kedua-dua negara.

"Ia adalah berita yang baik untuk semua. Tidak ada tindakan terhadap Kerajaan Australia," katanya.